

**Harap maklum: kempen ini khusus untuk pelanggan akaun Standard USD, US Cent atau Standard EUR, EUR Cent yang telah dibuka mulai 15 Mei 2014. Leverage maksimum untuk akaun yang didaftarkan untuk kempen adalah 1: 200, dan tahap Stop Out akan diaktifkan apabila tahap Margin kurang dari 100%.**

1. Setiap Pelanggan InstaForex berhak menerima bonus dalam jumlah 100% dari jumlah yang telah didepositkan ke akaun dagangan. Ini adalah bonus satu kali (one-time) sahaja yang tidak dapat dikreditkan ke akaun dagangan yang telah menerima bonus jenis lain, mempunyai operasi dagangan atau sekiranya Pelanggan telah menerima Bonus 100% ke akaun mereka yang lain.
2. Bonus ini hanya tersedia untuk akaun yang telah selesai membuat pengesahan dua peringkat. Pelanggan bersetuju bahawa setelah pengeluaran sejumlah wang dari akaun perdagangan, bonus ini akan dibatalkan.
3. Bonus 100% dikreditkan untuk jumlah deposit sehingga AS\$2,000. Sekiranya deposit anda melebihi AS\$2,000 iaitu di antara AS\$2,000-AS\$5,000, maka pedagang akan menerima bonus 100% untuk AS\$2,000 dan 50% untuk jumlah baki yang tinggal. Sekiranya baki akaun perdagangan melebihi AS\$5,000, bonus 30% akan dikenakan. Sebagai contoh:
  - o Untuk 3000 -  $2000*100\%+1000*50\%=2000+500=2500$
  - o Untuk 6000 -  $2000*100\%+3000*50\%+1000*30\%=2000+1500+300=3800$
  - o Untuk 10000 -  $2000*100\%+3000*50\%+5000*30\%=2000+1500+1500=5000$
4. Syarikat berhak membatalkan Bonus 100% tanpa notis pemberitahuan terlebih dahulu. Oleh itu, kami amat mengesyorkan agar anda tidak mengambil kira bonus semasa membuat pengiraan keuntungan strategi perdagangan anda. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang akibat daripada pembatalan bonus termasuk kes Stop Out sebagaimana bonus terakru tetap menjadi milik Syarikat sepenuhnya.\*
5. Bonus 100% tidak dibenarkan untuk pengeluaran, walau bagaimanapun, tidak ada had yang dikenakan untuk mengeluarkan keuntungan yang diperoleh dari bonus.
6. Bonus 100% tidak boleh digunakan bagi tujuan pelaburan.
7. Bonus akan terbatal secara automatik sekiranya jumlah ekuiti kurang daripada 120% dari jumlah bonus.
8. Sekiranya akaun dagangan Pelanggan tidak mempunyai pesanan terbuka atau tidak ada perdagangan yang ditutup dalam tempoh 30 hari, maka Bonus 100% akan terbatal.
9. Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Syarikat mengesan sebarang penyalahgunaan program bonus atau jika keuntungan dalam akaun sama dengan jumlah deposit, maka Syarikat boleh membatalkan bonus dan menyelaraskan keuntungan yang diperoleh daripadanya dengan jumlah yang sama dengan jumlah bonus tanpa memberikan notis amaran terlebih dahulu atau menjelaskan alasannya. Pelanggan jelas mengenai kemungkinan risiko yang dinyatakan pada klausa ini.
10. Syarikat berhak untuk mengubah atau meminda syarat kempen tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
11. Bonus 100% hanya untuk perdagangan dalam Forex, oleh itu, apabila menggunakan bonus untuk berdagang mata wang kripto dan saham CFD, bonus tertakluk kepada pembatalan.
12. Bahasa rasmi Perjanjian adalah Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat perbezaan/percanggahan di antara Perjanjian dalam versi terjemahan dan Bahasa Inggeris, Perjanjian dalam Bahasa Inggeris akan dianggap sebagai standard rujukan.

---

\* Klausa ini adalah bertujuan untuk mencegah sebarang aktiviti penipuan yang berkaitan dengan sistem bonus. Namun, penguatkuasaannya tidak bermaksud bahawa semua akaun yang telah dibatalkan bonus oleh pihak Syarikat diakui melanggar peraturan. Dalam beberapa kes, adalah mustahil untuk menentukan dengan jelas fakta pelanggaran peraturan. Terdapat 10% kebarangkalian bahawa kesalahan pembatalan bonus akan berlaku kerana ianya termasuk di dalam usaha untuk membendung penyalahgunaan sistem bonus.